

Di sebalik wajah



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

“Hari tu kamu tunjuk gambar orang lain pada emak, hari ini kamu bawa balik orang lain. Jangan buat begitu. Tak baik memainkan anak dara orang.”

“Ini orang samalah mak.”

“Mana pula sama? Dalam gambar tu putih, gebu, dagu runcing, pipi licin macam pauh dilayang. Yang kamu bawa balik, yang ada kat luar tu, alahai...”

Itu kisah rekaan, sekadar untuk dijadikan contoh. Pun begitu, saya percaya kes-kes seumpamanya kerap terjadi kebelakangan ini. Saya sendiri pernah mengalaminya. Menerima kad undangan perkahwinan dengan paparan jelas gambar wajah pasangan pengantin. Sama cantik, sama padan tetapi di majlis itu, saya teranga-nganga apabila diperkenalkan kepada pengantin.

Rasa macam telah tersilap rumah kerana wajah mempelai berbeza betul dengan yang terpampang pada kad undang-

an. Anak-anak muda yang mengadakan janji temu secara ‘blind date’ sekarang ini mungkin kerap melalui pengalaman ‘dalam gambar macam lain, yang datang macam lain’.

Begitulah kehidupan di dunia baharu ini. Dahulu wajah hanya boleh diubah dengan solekan, sekarang tanpa solekan pun ia boleh dilakukan. Bukan setakat wajah, semua anggota badan lain juga boleh diubah. Lengan besar boleh dikecilkan, perut berlapis boleh dikempiskan. Semuanya dengan beberapa klik.

Keinginan manusia untuk merakamkan imej selain dalam bentuk lukisan mungkin telah wujud sejak zaman mereka mula pandai menconteng dinding gua. Tetapi hanya pada 1820-an, baru hasrat itu tercapai apabila Joseph Nicéphore Niépce membuat cetakan fotografi pertama daripada plat cetakan *fotoengraved*. Dari situ, seni fotografi terus berkembang.

Sifat tidak pernah puas hati manusia menyebabkan muncullah keinginan memanipulasi imej atau gambar yang terhasil. Tujuannya tentulah supaya ia jadi lebih cantik dan menarik. Tetapi ada juga kes terpencil – yang cantik dihodohkan, yang hodoh dihodohkan lagi. Selalunya kes begitu terjadi dalam dunia politik.

Pada peringkat awal manipulasi imej dilakukan dengan kaedah tradisional seperti teknik dedah dua kali, pelunturan

cahaya, penggunaan cat, dakwat, berus dan sebagainya. Untuk melakukannya mestilah orang yang ahli dalam bidang berkenaan. Kalau setakat pandai bersolek tetapi tidak tahu membezakan antara ‘bilik gelap’ dengan ‘lensa’, janganlah cuba-cuba.

Bagaimanapun, kemajuan teknologi menjadikan kerja sukar itu bertambah mudah. Kini dengan adanya teknologi digital, dibantu puluhan aplikasi, kerja pengeditan imej boleh dilakukan sesiapa sahaja. Kemudahan itu kemudiannya digabungkan dengan kemunculan pelbagai platform media sosial yang umumnya menjadikan gambar sebagai salah satu medium komunikasi.

Maka pengguna pun – perempuan terutamanya – berlumba-lumbalah memuat naik gambar ke platform-platform tersebut – termasuk gambar sendiri.

Trend itu menjadi sangat ketara sejak lebih sedekad lalu. Satu kajian menunjukkan pada 2006, 79 peratus remaja memuat naik foto mereka di profil media sosial dan enam tahun kemudian, angka itu melonjak kepada 91 peratus (Smith & Anderson, 2018).

Itu baru remaja. Belum kakak remaja, emak remaja dan nenek remaja. Kajian juga menunjukkan kebanyakan yang memuat naik gambar profil akan terlebih dahulu mengedit gambar tersebut.

Kesannya terjadilah kes-kes seperti disebutkan di atas, ‘dalam gambar macam lain, di luar macam lain’.

Ada juga pemilik foto melakukan pengeditan bukan sahaja pada wajah tetapi latar belakang. Sawah padi ditukar menjadi blok bangunan di London, rumah kampung jadi banglo di Bukit Damansara, kereta lama ditukar menjadi kereta *sport* dan bermacam-macam lagi. Semuanya ikut selera dan kehendak sendiri.

Sepintas lalu memang tiada masalahnya berbuat begitu. Malah, ia membantu menggilap kreativiti seseorang. Tetapi di sisi lain, ia menjerumuskan kita lebih jauh ke lembah kepalsuan.

Bahayanya bermula apabila daripada suka-suka ia bertukar menjadi menipu dan lebih bahaya lagi apabila kita tidak lagi berasa bersalah berbuat demikian kerana ‘orang lain pun buat juga’.

Jadi pesan saya, sebaik-baiknya jadilah diri kita sendiri. Cantik atau tidak, kacak atau tidak, wajah kita adalah anugerah ALLAH kepada kita yang tiada duanya. Jika hendak edit pun, berpada-padalah. Jangan sampai bila kita hilang, polis susah hendak cari sebab ‘dalam gambar macam lain...’ #dush!

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Peluang perangi 'penagih' rasuah



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Orang tua-tua kata ‘dunia dah terbalik’. Ia menggambarkan keadaan - ‘dunia’ menerima sesuatu di luar norma masyarakat. Kita berada dalam ‘dunia yang terbalik’ apabila nilai-nilai baik itu dilihat sebagai ketinggalan.

Sebaliknya, nilai-nilai buruk itu pula diterima sebagai sesuatu yang baik. Kini, sudah menjadi normal apabila kita melihat mereka yang terlibat dalam politik tidak berasa malu walaupun sedang menghadapi perbicaraan di mahkamah atas tuduhan rasuah.

Berpegang kepada ‘kamu tidak bersalah melainkan setelah terbukti’, mereka bergerak di khalayak ramai dan bercakap seolah-olah ‘dunia ini ana yang punya’ secara selamba walaupun dia sedang didakwa.

Mereka yang mendengar kata-katanya secara berdepan terangguk-angguk, bertepuk sorak dan menyokong individu berkenaan. Maknanya, mereka

yang dituduh bersalah dan mereka di sekeliling tertuduh itu melihat ia sebagai sesuatu yang normal.

Rasuah adalah salah satu topik bakal mendapat perhatian lebih serius pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Calon bertanding bukan sahaja akan diukur dari segi personaliti, pandai ‘memarhaenkan’ diri, mampu mendapatkan jalan raya bertar atau lampu elektrik di jalan kampung dan membantu anak pengundi mendapat tempat belajar.

Mereka juga akan diukur dari segi integriti. Inilah cabaran pasukan Rasuah Busters yang sudah bergerak lebih setahun setengah menentang gejala itu. Pada Selasa, mereka melancarkan kempen #SatuJari Sempena PRU15.

Berjaya atau tidak kempen tersebut, terletak di tangan rakyat. Platform menentang rasuah melalui Rasuah Busters sudah ada. Rakyat perlu lebih galak diajak sama-sama berjuang menentanginya.

Apakah calon-calon ‘berani buka mulut’ untuk bercakap sebagai seorang calon yang menentang rasuah dengan nada suara selantang-lantang?

Buat permulaan, rakan-rakan strategik Rasuah Busters harus menjadi pemangkin agar masyarakat peka pada topik rasuah.

Seperti harapan Ketua Pegawai

Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia #RasuahBusters, Nurhayati Nordin, topik rasuah dan kesedaran mengenainya harus mendasar serta membuak menjadi *ground swelling*.

PRU15 sebenarnya adalah platform yang terbina dan tersedia untuk memberi satu lonjakan kepada kempen Rasuah Busters. Seluruh rakan strategik perlu turun di semua 222 kawasan Parlimen untuk menghidupkan *mood* antirasuah.

Ini bukan kempen sebarang kempen. Ia adalah *window of opportunity* lima tahun sekali apabila topik rasuah mudah mendapat perhatian dan tindak balas masyarakat. Jika Rasuah Busters dan kita tidak mengangkat topik serta manifestasi jijik pada rasuah serta ‘penagihnya’, maka peluang menentanginya sukar mencapai gear lima.

Seperti ahli astronomi menanti kedudukan sesebuah planet paling hampir di bumi untuk memudahkan menghantar satelit, begitulah tamsilan mengenai kedudukan Rasuah Busters dan pilihan raya. Sekiranya ‘satelit’ antirasuah tidak diledakkan pada PRU kali ini, kita kena tunggu lima tahun lagi.

Usahawan, Anas Zubedy turut menyarankan pengundi sendiri berani tampil untuk bertanya pendirian calon PRU15 mengenai rasuah. Beliau menyarankan lagi supaya pengundi merakam dan se-

barkan jawapan mereka di media sosial agar rakyat tahu sejauh mana komitmen masing-masing. Jawapan itu sendiri mampu menambah majoriti atau menghilangkan wang pertaruhan.

Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacob dalam ucapannya pula berkata, rakyat adalah ‘boskau’ – yang bos adalah engkau (kita), bukan engkau menjadi bosku.

Rakyat bukan sahaja memilih pemimpin tetapi menentukan masa depan negara. Pilihlah wakil berdasarkan kewibawaan dan integriti, bukan lagi berdasarkan parti. Pilih calon sebagai kriteria utama.

Sungguh cantik nasihat dua kanak-kanak, Ku Mika dan Ku Hana yang berpantun pada majlis pelancaran kempen #SatuJari Sempena PRU15.

*Timbang sukat buah bidara,
Dalam baldi penuh diisi
Jangan diangkat perosak negara,
Kelak nanti kita yang rugi.*

*Laju lari si burung kedidi,
Sayap tempua berbulu pelepah,
Satu jari kuasa pengundi,
Semoga semua bijak memangkah.*

**Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*